

Apakah yang boleh dilakukan oleh ahli perniagaan untuk membantu?



Social Cohesion Guide for Businesses

Perniagaan

Kekitaan dalam bidang perniagaan

Perniagaan membantu membina social cohesion, membantu orang berasa kekitaan, berasa disertakan, menjadi diri mereka sendiri dan mengambil bahagian dalam masyarakat. Perniagaan mewujudkan budaya kerja yang inklusif melalui amalan pekerjaan. Mereka membolehkan orang ramai untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam komuniti dan masyarakat mereka dengan membayar pendapatan kepada kakitangan mereka dan melegakan tekanan kewangan untuk “memenuhi keperluan”. Bukti menunjukkan bahawa kepelbagaian dan keterangkuman mempunyai manfaat ekonomi seperti peningkatan inovasi di tempat kerja.

Kita semua berbeza tetapi kita perlu mempunyai hubungan yang harmoni, meraikan kepelbagaian kita dan menghormati pendapat orang. Ini penting kerana tidak semua orang berasa mereka boleh menjadi diri mereka sendiri atau percaya bahawa suara mereka akan didengari.

Kami adalah sebuah negara yang semakin pelbagai dengan perniagaan kami berkhidmat kepada pelbagai komuniti yang berbeza. Kita perlu mencari cara untuk saling mendengar antara satu sama lain. Kami ingin komited untuk memahami perbezaan dan kekuatan kami serta mengusahakan perkara yang menyatukan kami dan perkara yang membuatkan kami lebih rapat.

Kekitaan

bagaimana rupanya

Dalam masyarakat di mana orang ramai bergaul mesra, kita saling mengenali, mengenali jiran kita, dapat melibatkan diri di tempat kerja kita, anak-anak kita merasakan mereka adalah sebahagian daripada komuniti dan kita tahu tempat untuk mendapatkan bantuan apabila kita memerlukannya. Kita berasa kita boleh bercakap dengan orang yang mungkin tidak biasa bercakap dengan kita, bersuara apabila kita mendengar orang mengatakan perkara-perkara berbentuk diskriminasi, dan berasa bebas untuk berkongsi siapa diri kita, dari mana kita berasal, dan cara bagaimana kita melakukan sesuatu. Kita tidak akan meninggalkan sesiapa dalam krisis, semua pihak akan terlibat.

Membina lebih kekitaan

– apa yang boleh anda lakukan

Jadi, apa yang boleh kita lakukan untuk membantu lebih ramai orang berasa kekitaan, menerima kepelbagaian, berasa terhubung, mengambil bahagian, mempercayai orang lain dan berasa dihormati?

Kekitaan, mempercayai orang lain

- pertimbangkan cara membuat tugas lebih mudah diakses oleh pelbagai kumpulan.
 - mengiklankan pekerjaan melalui rangkaian komuniti, organisasi, stesen radio, podcast, platform media sosial, pelbagai akhbar media dan saluran televisyen untuk khalayak tertentu
- pertimbangkan akses perkhidmatan dan barangan yang disediakan.
 - jika perniagaan anda dijalankan dalam talian, adakah ia boleh diakses oleh orang cacat penglihatan? Jika perniagaan anda mempunyai kedai atau pejabat yang menghadap orang ramai, adakah ia boleh diakses oleh orang yang mengalami masalah mobiliti?

Mengamalkan kepelbagaian, rasa dihormati

- menghargai kepelbagaian di tempat kerja dan mewujudkan inisiatif untuk menyokong kepelbagaian.
 - mengiktiraf perayaan dan acara yang penting kepada kakitangan, menggalakkan mereka untuk membawa seluruh diri mereka ke tempat kerja, dan memberi mereka peluang untuk menyumbang dalam reka bentuk perkhidmatan dan barangan

menyokong kakitangan untuk mengenali antara satu sama lain (whakawhanaungatanga).

- peruntukkan masa dalam hari atau minggu tertentu untuk berkumpul sebagai satu pasukan atau sebagai rakan sekerja untuk mengenali antara satu sama lain. Ini boleh jadi minum pagi atau petang, atau sebahagian daripada hari bekerja di luar
- menggalakkan amalan terbaik melalui anugerah kecemerlangan perniagaan tahunan, di mana sumbangan yang pelbagai dihargai, dan tempat kerja yang inklusif diraikan.

Rasa terhubung

- mencari dan mempromosikan dialog dengan komuniti yang mungkin berkongsi pandangan yang berbeza untuk mengembangkan pemahaman.
- gunakan kumpulan fokus untuk menguji produk dan perkhidmatan baru dan mencari kumpulan fokus daripada komuniti yang berbeza dan bersilang.

Mengambil bahagian

- memudahkan penglibatan selanjutnya dengan rangkaian kakitangan dan kesatuan sekerja
- memastikan semua pekerja mengetahui hak mereka:
 - Menyediakan maklumat tentang hak pekerjaan dalam buku panduan induksi, forum kakitangan dalaman dan intranet.
- menyokong pekerja untuk melibatkan diri dalam acara kebudayaan, komuniti, sivik dan keluarga.

- menggalakkan atau meraikan penglibatan budaya, komuniti atau sivik di pejabat. Ini mungkin dalam bentuk acara minum pagi atau petang.
- Menggalakkan kakitangan mengambil cuti untuk menghadiri acara keluarga dan perayaan budaya atau komuniti
- menggalakkan pengambilan pekerja migran dalam perniagaan - membantu dengan penyediaan penulisan CV, kemahiran temuduga, pengalaman kerja NZ dan pekerjaan yang bermakna dengan bimbingan susulan
- menggalakkan pengambilan pekerja orang muda dalam perniagaan - membantu dengan penyediaan penulisan CV, kemahiran temuduga, latihan yang berkaitan, menolong memperoleh lesen memandu dan pekerjaan yang bermakna dengan bimbingan susulan
- menggalakkan pengambilan pekerja orang kurang upaya dalam perniagaan - membantu dengan penyediaan penulisan CV, kemahiran temuduga, dan pekerjaan yang bermakna, dengan bimbingan susulan
- melaksanakan program seperti Chamber Drive - yang menyokong 5000 individu untuk memperolehi lesen memandu mereka. Seseorang yang mempunyai lesen memandu adalah tujuh kali lebih cenderung untuk mencari pekerjaan
- melaksanakan program mentor perniagaan untuk menyokong semakin ramai orang yang ingin memulakan perniagaan mereka sendiri.
- menyediakan platform promosi kos rendah atau tanpa kos untuk pemilik perniagaan bagi mempromosikan peluang pekerjaan dalam kalangan komuniti perniagaan lain dan rangkaian media sosial mereka
- menawarkan acara dan aktiviti secara bersemuka, dalam talian dan boleh diakses untuk perniagaan-perniagaan melibatkan diri dengan rangkaian antara satu sama lain, dan komuniti mereka.

